

**BAB DUA :**  
**TA‘LIQ TALAQ MENURUT ISLAM.**

**2.1. Pendahuluan.**

Islam membenarkan pembubaran perkahwinan sebagai jalan keluar kepada pasangan yang berhadapan dengan masalah dan tidak dapat diselesaikan dengan baik. Menurut ‘Abd al-Karīm Zaydān, Islam membenarkan pembubaran apabila ikatan perkahwinan tidak dapat memberikan kebaikan kepada pasangan hasil dari permasalahan yang berlaku di antara mereka.<sup>1</sup> Kenyataan ini bukan bermaksud Islam menggalakkan pembubaran perkahwinan kerana Ibn Taymiyyah menyatakan hukum asal pembubaran perkahwinan adalah haram tetapi ianya dibenarkan dalam keadaan yang tertentu.<sup>2</sup> Oleh itu, pembubaran perkahwinan tanpa sebarang keperluan dan sebab yang munasabah dicela oleh Islam.

Di antara bentuk pembubaran perkahwinan dalam Islam ialah talaq, ta‘liq talaq, li‘an, khul‘ dan fasakh. Talaq ialah pembubaran perkahwinan oleh suami dengan menggunakan lafaz yang tertentu seperti talaq atau seumpamanya seperti lafaz *kināyah* manakala kuasa talaq diberikan kepada suami oleh syarak.<sup>3</sup> Selain itu, pihak suami boleh membuat permohonan li‘an kepada mahkamah syariah sekiranya suami berasa curiga dan tidak mengakui zuriat yang dilahirkan oleh isteri atau suami menuduh isteri berzina.<sup>4</sup> Syarak mengimbangi hak pembubaran perkahwinan oleh suami dengan memberikan hak kepada isteri untuk membubarkan perkahwinan melalui khul‘ dan fasakh. Khul‘ ialah pembubaran perkahwinan dengan permintaan isteri di mana isteri

---

<sup>1</sup>‘Abd al-Karīm Zaydān, *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah* (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 1983), 7:347.

<sup>2</sup>Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad Ibn ‘Abd al-Ḥalīm, *al-Fatāwā al-Kubrā* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987), 3:250.

<sup>3</sup>Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, *al-Mausū‘ah al-Fiqhiyyah* (Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 1983), 29:5., Maḥmūd ‘Abd al-Rahmān ‘Abd al-Mun‘im, *Mu‘jam al-Muṣṭalaḥāt wa al-Alfāz al-Fiqhiyyah* (al-Qāhirah: Dār al-Faḍīlah, 1999), 2:419-434.

<sup>4</sup>Wizārah al-Awqāf, *al-Mausū‘ah al-Fiqhiyyah*, 35:246-267., Maḥmūd ‘Abd al-Rahmān, *Mu‘jam al-Muṣṭalaḥāt*, 3:174.

perlu membayar sejumlah bayaran mengikut jumlah yang ditetapkan oleh suami atau melalui perbincangan bersama pasangan.<sup>5</sup> Fasakh boleh dipohon oleh isteri kepada mahkamah syariah dengan alasan yang dibenarkan oleh syarak seperti suami berlaku zalim terhadap isteri, suami menghidapi penyakit tertentu seperti sopak, kusta dan lain-lain.<sup>6</sup>

Ta‘liq talaq termasuk dalam pembubaran perkahwinan yang dibenarkan oleh Islam. Ta‘liq menurut tafsiran Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan ialah lafaz perjanjian yang dibuat oleh suami selepas akad nikah mengikut hukum syarak dan peruntukan akta.<sup>7</sup> Sebarang pelanggaran ta‘liq oleh suami memberikan hak kepada isteri untuk membuat aduan dan menuntut haknya di mahkamah syariah. Pengamalan ta‘liq di Malaysia membawa kepada pelbagai hasil penulisan berkaitannya seperti pelaksanaan ta‘liq di Malaysia, dan kelemahan pelaksanaannya.

Bab ini akan meneruskan kesinambungan penulisan sedia ada dengan meneliti perbincangan fuqaha’ berkaitan ta‘liq kerana ta‘liq tambahan merupakan pecahan dari ta‘liq. Hal ini bagi menjelaskan pandangan Islam terhadap pengamalan ta‘liq tambahan melalui penelitian terhadap pandangan fuqaha’, hujah serta syarat yang diletakkan oleh mereka terhadap ta‘liq. Oleh itu, perbincangan fuqaha’ berkaitan ta‘liq yang diteliti dalam bab ini merujuk secara langsung kepada perbincangan fuqaha’ terhadap ta‘liq tambahan.

---

<sup>5</sup>Wizārah al-Awqāf, *al-Mausū‘ah al-Fiqhiyyah*, 19:234-259.

<sup>6</sup>Ibid., 32:131-139., Maḥmūd, *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt*, 3:39.

<sup>7</sup>Seksyen 2, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, (akta 303/1984)

## 2.2. Definisi Ta‘liq Talaq.

Ta‘liq tambahan mempunyai definisi yang tersendiri seperti akan dijelaskan pada bab empat nanti. Perbincangan ini dimulakan dengan melihat definisi ta‘liq talaq menurut fuqaha’ bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai ta‘liq kerana ianya adalah asas perbincangan sebelum penelitian pandangan fuqaha’ terhadap ta‘liq tambahan dapat dilakukan.

Huraian definisi meneliti dua komponen utama dalam ta‘liq talaq iaitu talaq dan ta‘liq menurut bahasa dan istilah syarak. Talaq menurut bahasa ialah melepaskan dan merungkaikan ikatan.<sup>8</sup> Definisi talaq menurut syarak ialah membubarkan akad menggunakan lafaz yang khusus seperti talaq atau lafaz seumpamanya seperti lafaz *kināyah*.<sup>9</sup>

Ta‘liq menurut bahasa dapat dijelaskan menerusi penelitian terhadap kata asal bagi sesuatu yang lain.<sup>10</sup> Definisi ta‘liq menurut syarak diteliti menerusi definisi yang diberikan oleh fuqaha’. Jumhur fuqaha’ yang terdiri dari al-Ḥanafiyah, al-Mālikiyah, al-Shafi‘iyah dan sebahagian al-Ḥanābilah mendefinisikan ta‘liq sebagai suami menyandarkan talaq kepada sifat atau syarat yang akan berlaku pada masa

---

<sup>8</sup>Ibn Manzūr, Muḥammad Ibn Makram, *Lisān al-‘Arab* (al-Qāhirah: Dār al-Ma‘ārif, t.t), 29:2693.

<sup>9</sup>Wizārah al-Awqāf, *al-Mausū‘ah al-Fiqhiyyah*, 29:5., Maḥmūd ‘Abd al-Rahmān, *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt*, 2:419-434.

<sup>10</sup>Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 10:262., al-Rāzī, Muḥammad Ibn Abī Bakr, *Mukhtār al-S̄iḥāh* (Bayrūt: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 1999), 1:216.

terkehadapan.<sup>11</sup> Ibn Taymiyyah mempunyai pandangan yang berbeza dengan definisi yang diberikan oleh jumhur fuqaha' namun beliau tidak memberikan definisi khusus terhadap ta'liq. Melalui penelitian terhadap keterangan dalam karya penulisan beliau seperti al-Fatāwā al-Kubrā dapat difahami definisi ta'liq menurutnya ialah menyandarkan talaq kepada sesuatu perkara pada masa terkehadapan dengan niat untuk membubarkan perkahwinan.<sup>12</sup> Ta'liq yang dilafazkan oleh suami dengan niat untuk membubarkan perkahwinan dianggap sebagai ta'liq yang sebenar manakala ta'liq yang dilafazkan oleh suami bukan dengan niat untuk membubarkan perkahwinan tetapi dengan tujuan untuk bersumpah dianggap sebagai sumpah dan tidak mensabitkan talaq.<sup>13</sup> Ibn Taymiyyah menjelaskan ta'liq yang dilakukan dengan salah satu dari tujuan berikut termasuk dalam sumpah iaitu ta'liq yang dibuat untuk menguatkan azam bagi melakukan sesuatu, mengukuhkan suatu tegahan, membenarkan sesuatu berita atau menafikannya.<sup>14</sup> Hal ini kerana tujuan pengucapan ta'liq seperti yang telah disebutkan di atas mempunyai persamaan dengan tujuan dan matlamat sumpah sebenar dibuat.

Definisi yang diberikan oleh jumhur fuqaha' tertumpu kepada perkara yang dapat dilihat dengan menyentuh kepada sifat atau syarat yang disandarkan oleh suami kepada talaq pada masa terkehadapan. Definisi Ibn Taymiyyah sebaliknya memberi penekanan kepada tujuan suami melafazkan ta'liq. Beliau meletakkan niat untuk membubarkan perkahwinan sebagai prasyarat kepada ta'liq untuk mensabitkan talaq. Jumhur fuqaha' menolak pandangan Ibn Taymiyyah yang membezakan di antara ta'liq sebenar dan

<sup>11</sup>Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amin Ibn ‘Umar, *Rad al-Mukhtār ‘alā al-Dur al-Mukhtār* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1992), 3:341., Abū al-Qāsim, Muḥammad Ibn Aḥmad al-Malikī, *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah* (t.tp), 1: 153., lihat al-Khatib al-Sharbī, Muḥammad Ibn Aḥmad, *Mughnī al-Muḥtāj* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1997), 4:504 dan 4:514., lihat al-Bahūtī, Maṇṣūr Ibn Idrīs, *Kashfū al-Qinā‘* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), 5:284.

<sup>12</sup>Lihat Ibn Taymiyyah, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 3:234.

<sup>13</sup>*Ibid.*

<sup>14</sup> ‘Abd al-Karīm Zaydān, *al-Mufaṣṣal*, 7: 481.

sumpah berdasarkan kepada perbezaan niat suami bahkan jumhur fuqaha' menegaskan kedua-duanya termasuk dalam ta'liq tanpa wujud perbezaan di antara kedua-duanya.<sup>15</sup>

Jumhur fuqaha' turut menolak pandangan Ibn Taymiyyah yang menyatakan ta'liq yang dilakukan dengan tujuan untuk bersumpah dianggap sebagai sumpah hakiki iaitu talaq tidak sabit apabila berlaku pelanggaran ta'liq sebaliknya suami hanya perlu membayar kafarah sumpah. Hal ini kerena mereka berpandangan ta'liq adalah sumpah secara majaz atau kiasan sahaja kerana ta'liq hakikatnya terdiri daripada syarat dan balasan (جزاء) serta mengandungi makna *sabābiyyah* seperti sumpah.<sup>16</sup>

Meskipun jumhur fuqaha' dan Ibn Taymiyyah berbeza pandangan dalam mendefinisikan ta'liq, namun mereka bersetuju bahawa ta'liq ialah suami menyandarkan talaq kepada suatu perkara pada masa terkehadapan dan merupakan definisi yang dipegang oleh pengkaji dalam perbincangan ini.

### **2.3. Pembahagian Ta'liq Talaq.**

Fuqaha' tidak membincangkan pembahagian ta'liq tambahan secara khusus sebaliknya mereka memperincikan pembahagian ta'liq talaq secara teratur dan tersusun. Perbincangan di sini meneliti pembahagian ta'liq yang dilakukan fuqaha' kerana bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai ta'liq. Hal ini penting sebelum perbincangan pandangan ta'liq menurut fuqaha' dibuat. Perbincangan ini dibahagikan

---

<sup>15</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1985), 7: 447.

<sup>16</sup> Wizārah al-Awqāf, *al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah*, 12: 298.

kepada dua kelompok iaitu pembahagian ta‘liq menurut jumhur fuqaha dan Ibn Taymiyyah.

Jumhur fuqaha’ yang terdiri dari al-Ḥanafiyah, al-Shāfi‘iyah, al-Mālikiyah dan sebahagian al-Ḥanābilah membahagikan ta‘liq talaq kepada dua bahagian iaitu : masa yang mendatang seperti suami berkata kepada isteri “aku ceraikan kamu apabila tiba awal bulan hadapan atau selepas berlalunya siang hari”.<sup>17</sup> Kedua, *al-talāq al-* yang akan berlaku pada masa terkehadapan seperti suami berkata kepada isteri “aku ceraikan kamu sekiranya kamu keluar dari rumah ini”.<sup>18</sup>

Ibn Taymiyyah pula membahagikan ta‘liq talaq kepada dua bahagian iaitu: pertama, menyandarkan talaq kepada perkara pada masa terkehadapan bukan dengan niat untuk membubarkan perkahwinan sebaliknya dengan niat untuk bersumpah.<sup>19</sup> Beliau menjelaskan ta‘liq yang dibuat bertujuan untuk menguatkan azam bagi melakukan sesuatu, mengukuhkan suatu tegahan, membenarkan sesuatu berita atau menafikannya merupakan sumpah.<sup>20</sup> Kedua, menyandarkan talaq kepada perkara pada masa terkehadapan dengan niat untuk membubarkan perkahwinan.<sup>21</sup> Ta‘liq ini dianggap sebagai ta‘liq sebenar di sisi beliau.

---

<sup>17</sup>Wizārah al-Awqāf, *al-Mausū‘ah al-Fiqhiyyah*, 29:36., al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 7: 445.

<sup>18</sup>*Ibid.*

<sup>19</sup>Ibn Taymiyyah, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 3: 246.

<sup>20</sup>Abd al-Karīm Zaydān, *al-Mufaṣṣal*, 7: 481.

<sup>21</sup>Ibn Taymiyyah, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 3: 246.

Pembahagian ta‘liq yang dibuat oleh jumhur fuqaha’ lebih mudah untuk dikenalpasti. Hal ini kerana pembahagian yang dibuat oleh mereka dapat dinilai dan dibezakan secara zahir. Sebaliknya, pembahagian ta‘liq yang dilakukan oleh Ibn Taymiyyah, memerlukan kepada penelitian terhadap niat suami dengan bantuan qarinah bagi membezakan di antara ta‘liq yang dibuat oleh suami dengan niat untuk membubarkan perkahwinan atau sebaliknya.<sup>22</sup> Berasaskan alasan ini, pengkaji lebih cenderung dengan pembahagian yang dibuat oleh jumhur fuqaha’.

#### **2.4. Talaq Yang Disandarkan Kepada Syarat Menurut Fuqaha’.**

Perbincangan ini dilakukan bertujuan meneliti pandangan fuqaha’ terhadap ta‘liq tambahan dengan melihat pandangan fuqaha’ terhadap permasalahan di atas. Hal ini kerana perbincangan di atas mengandungi pandangan fuqaha’ terhadap ta‘liq sekaligus memperlihatkan pandangan mereka terhadap ta‘liq tambahan. Pandangan dan hujah yang dikemukakan fuqaha’ dalam perbincangan ini merujuk secara langsung kepada pandangan fuqaha’ terhadap ta‘liq tambahan kerana ta‘liq berkenaan merupakan pecahan dari ta‘liq.

Fuqaha’ berselisih pandangan mengenai talaq yang disandarkan kepada syarat seperti suami berkata kepada isteri “sekiranya kamu keluar dari rumah ini, aku ceraikan kamu” samada mensabitkan talaq atau tidak apabila berlaku syarat tersebut. Percanggahan pandangan ini berlaku kerana tidak terdapat nas yang jelas dalam al-Quran dan

---

<sup>22</sup>Untuk maklumat lanjut berkaitan qarinah, sila lihat Ruzman Md.Noor, “Kedudukan Bayyinah,Syahadah dan Qarinah dalam Penggubalan Undang-Undang Keterangan Islam di Malaysia,” Jurnal Syariah 16, no. 2, 345-366.

al-Sunnah bagi menerangkan mengenainya secara khusus.<sup>23</sup> Perbezaan pandangan fuqaha' dapat disimpulkan seperti di bawah :

#### 2.4.1. Pandangan Jumhur Fuqaha'.

Jumhur fuqaha' yang terdiri dari al-Hanafiyah, al-Mālikiyah, al-Shāfi‘iyah dan sebahagian al-Ḥanābilah berpandangan talaq sabit apabila berlaku syarat yang telah disebutkan oleh suami.<sup>24</sup> Pandangan mereka bersandarkan kepada ayat al-Quran :

الْطَّلَقُ مَرَّتَانِ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَنٍ وَلَا تَحْلُ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا  
ءَاتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا إِلَّا أَنْ تَحَافَّا أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَإِنْ خَفْتُمْ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ  
اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيهَا أَفْتَدَتْ بِهِ تِلْكَ حُدُودَ اللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا وَمَنْ يَتَعَدَّ  
حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٢﴾

al-Baqarah 2:229

229. Talaq (yang boleh diruju‘ kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (ruju‘ dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu) kecuali jika keduanya (suami isteri takut tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah. Oleh itu kalau kamu khuatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah, maka tidaklah mereka berdosa - mengenai bayaran (tebus talaq) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu). Itulah aturan-aturan hukum Allah maka janganlah kamu melanggarnya; dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim

<sup>23</sup> Ali al-Zuqaylī, al-Ṭalāq al-Mu‘llaq: Mafhūmuh wa ’Āthāruh fi al-Fiqh Islāmī, al-Majjalah al-’Urduniyyah fī Dirāsāt al-Islāmiyyah 5, No.1 (2009), 53.

<sup>24</sup> Lihat Ibn ‘Ābidīn, *Rad al-Mukhtār*, 3:342., Abū al-Qāsim, *al-Qawānīn al-Fiqhīyyah*, 1:153., al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 4:514., al-Bahūtī, *Kashfū al-Qinā‘*, 5:84.

Jumhur fuqaha' menjelaskan ayat di atas bersifat umum dengan tidak menyatakan kaedah yang tertentu dalam mensabitkan talaq.<sup>25</sup> Oleh itu, talaq sabit samada dibuat secara langsung (﴿﴾) atau melalui ta'liq. Pandangan meraka dikuatkan dengan hadis:

Daripada Abū Hurayrah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda :

: ' \$ & ) ' ( & # \$% ! "

Terjemahan : Orang Islam itu perlu berpegang dengan syarat mereka.<sup>26</sup>

Berdasarkan hadis di atas, jumhur fuqaha' berpandangan ta'liq adalah satu syarat yang diletakkan oleh suami untuk mensabitkan talaq.<sup>27</sup> Syarat ini akan diambil kira dan dikuatkuasakan oleh syarak selama mana syarat tersebut tidak bertentangan ketetapannya. Oleh itu, talaq sabit apabila berlaku syarat yang telah disebutkan oleh suami. Di antara āthār yang menyokong pandangan mereka ialah:

Daripada Ibrāhīm :

Terjemahan : Daripada Ibrāhīm bahawa beliau telah berhadapan dengan kejadian seorang lelaki telah berkata kepada isteri: kamu aku ceraikan selepas berlalunya setahun. Maka beliau menjawab: Kamu boleh bersamanya sehingga cukup setahun.<sup>28</sup>

Āthār di atas jelas menunjukkan bahawa ta'liq yang dilafazkan oleh suami akan mensabitkan talaq apabila berlaku syarat yang telah disebutkan oleh suami.

<sup>25</sup>Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 7:447., Badrān Abū al-'Aynayn Badrān, *Fiqh al- Muqāran li Ahwāl al -Shakhsiyah* (Bayrūt: Dār Nahḍah al-'Arabiyyah, 1967), 1: 337.

<sup>26</sup>Abū Dāud, Sulaymān Ibn al-'Ash'ath, *Sunan Abī Dāud* (Bayrūt: Maktabah 'Aṣriyyah, t.t), 3:304, (Bāb fī al-Šulh, no. hadith 3594)., al-Bayhaqī, Ahmad Ibn al-Ḥusayn, *al-Sunan al-Kubrā* (Bayrūt: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah, t.t), 6: 131 (Bāb al-Shart fī al-Shirkah wa Ghayrih, no. hadith 11429).

<sup>27</sup> 'Abd al-Karīm Zaydān, *al-Mufaṣṣal*, 7: 372, al- Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 7: 448.

<sup>28</sup> al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 7: 583, (Bāb al-Ṭalāq bi al-Waqt wa al-Fi'l, no. hadith 15091).

## 2.4.2. Pandangan Ibn Ḥazm dan Fuqaha' Shi‘ah Ja‘fariyyah.

Ibn Ḥazm dan Fuqaha' Shi‘ah Ja‘fariyyah berpandangan ta‘liq tidak akan mensabitkan talaq dalam apa jua keadaan.<sup>29</sup> Pandangan ini disandarkan kepada ayat al-Quran berikut:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نَكْحَتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوْهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعَدُّوْهُنَّ فَمَتَّعُوهُنَّ وَسَرِّحُوهُنَّ سَرَاحًا

جَيْلَانٌ

al-Aḥzāb 33:49

49. Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang ‘iddah yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu, berilah mut‘ah (pemberian sagu hati) kepada mereka, dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya.

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلَقُوهُنَّ لِعَدَّهِنَّ وَأَحْصُوا الْعِدَّةَ وَاتَّقُوا اللَّهَ رَبَّكُمْ لَا تُخْرِجُوهُنَّ مِنْ بُيُوتِهِنَّ وَلَا سَرْجُونَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحْشَةٍ مُبِينَةٍ وَتَلَكَ حُدُودُ اللَّهِ وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ لَا تَدْرِي لَعَلَّ اللَّهَ تُحَدِّثُ بَعْدَ ذَلِكَ أَمْرًا

al-Ṭalāq 65:1

1. Wahai Nabi! apabila kamu(engkau dan umatmu) hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan ‘iddahnya, dan hitunglah masa ‘iddah itu (dengan betul), serta bertaqwalah kepada Allah, tuhan kamu. Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya (sehingga selesai ‘iddahnya), dan janganlah pula (dibenarkan) mereka keluar (dari situ), kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan itulah aturan-aturan hukum Allah (maka janganlah kamu melanggarnya); dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah maka sesungguhnya ia

<sup>29</sup> Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami*, 7: 447.

telah berlaku zalim kepada dirinya. (Patuhilah hukum-hukum itu, kerana) engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan, sesudah itu, sesuatu perkara (yang lain).

Menurut Ibn Ḥazm berdasarkan dua ayat di atas, Allah menjelaskan talaq hanya sabit kepada wanita yang belum disetubuhi dan telah disetubuhi.<sup>30</sup> Beliau menjelaskan tiada nas yang khusus menunjukkan ta‘liq mensabitkan talaq.<sup>31</sup> Oleh itu, ta‘liq tidak akan mensabitkan talaq dalam apa juu keadaan.

Selain itu, Ibn Ḥazm dan Fuqaha’ Shi‘ah Ja‘fariyyah berpandangan ta‘liq adalah sumpah dan mereka menjelaskan tidak harus bersumpah selain menggunakan nama Allah berdasarkan hadis<sup>32</sup> :

Daripada Ibn ‘Umar RA berkata : Rasulullah SAW bersabda :

وَلَا يَحْلِمُ إِنَّمَا يَحْلِمُ مَنْ يَعْصِي اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَالَّذِينَ يَعْصِيُونَهُمْ أَنْفُسُهُمْ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ  
وَلَا يَحْلِمُ إِنَّمَا يَحْلِمُ مَنْ يَعْصِي اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَالَّذِينَ يَعْصِيُونَهُمْ أَنْفُسُهُمْ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Terjemahan: Hendaklah bagi mereka yang ingin bersumpah, jangan bersumpah, melainkan bersumpah dengan menggunakan nama Allah.<sup>33</sup>

Berdasarkan hadis di atas, mereka menyatakan ta‘liq yang dibuat tidak diambil kira oleh syarak dan dianggap sia-sia kerana menggunakan talaq sebagai subjek untuk bersumpah.<sup>34</sup> Hal ini kerana sumpah hanya dibenarkan menggunakan nama Allah sahaja. Pandangan mereka dikuatkan dengan āthār :

<sup>30</sup> Ibn Ḥazm al-Andalusī, *al-Muḥallā bi al-Āthār* (Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t), 9: 358 dan 9: 479.

<sup>31</sup> *Ibid.*

<sup>32</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 7: 448.

<sup>33</sup> al-Bukhārī, Muḥammad Ibn Ismā‘īl, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Bayrūt: Dār Ṭūq al-Najāh, t.t), 5:42 (Bāb Ayyām al-Jāhiliyyah, no. hadith 3836), Muslim Ibn Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī), 3:1267 (Bāb al-Nahyu ‘an al-Ḥalaf bi Ghayr Allah, no hadith 1646).

<sup>34</sup> Ibn Ḥazm, *al-Muḥallā*, 9:477.

Daripada Ibn Jūrayj berkata: Ibn Ṭāwūs menceritakan kepadaku daripada ayahnya bahawa:

; < 2 :# ፩ 5 & -& -D BOC : ፩ A  
>K M J+H F G

Terjemahan : Sumpah dengan menggunakan talaq adalah batil dan tidak mensabitkan talaq.<sup>35</sup>

Āthār di atas jelas menunjukkan ta‘liq dalam apa jua bentuk termasuk talaq yang disandarkan kepada syarat tidak menggugurkan talaq sekalipun berlaku syarat tersebut.

#### 2.4.3. Pandangan Ibn Taymiyyah.

Ibn Taymiyyah berpandangan talaq yang disandarkan kepada syarat oleh suami dengan niat untuk membubarkan perkahwinan, mensabitkan talaq apabila berlaku syarat tersebut.<sup>36</sup> Manakala ta‘liq dilakukan dengan tujuan untuk bersumpah tidak mensabitkan talaq sebaliknya hanya diwajibkan untuk membayar kafarah sumpah.<sup>37</sup> Pandangan ini berdasarkan kepada ayat al-Quran :

قَدْ فَرَضَ اللَّهُ لَكُمْ حَلَةً أَيْمَنِكُمْ وَإِنَّمَا مَوْلَانِكُمْ وَهُوَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٦٦﴾

al-Taḥrīm 66: 2

2. Sesungguhnya Allah telah menetapkan bagi kamu (wahai nabi dan umatmu, untuk) melepaskan diri dari sumpah kamu (dengan membayar denda - kaffarah); dan Allah ialah pelindung yang mentadbirkan keadaan kamu, dan ia maha mengetahui, lagi maha bijaksana.

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ  
فَكَفَرَتُهُ إِطْعَامُ عَشَرَةِ مَسَكِينٍ مِّنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعِمُونَ أَهْلِكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ

<sup>35</sup> al-Šan‘ānī, ‘Abd Razzāq Ibn Humām al-Ḥumayrī al-Yamānī, *al-Muṣannaf* (Bayrūt: Maktabah al-Islāmī, t.t), 6:406 (Bāb al-Ṭalāq al-Kurh, no. hadith 11401).

<sup>36</sup> Ibn Taymiyyah, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 3: 245.

<sup>37</sup> *Ibid.*

٤٧ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ذَلِكَ كَفَرٌ أَيْمَنُكُمْ إِذَا حَلَقُتُمْ  
 ٤٨ وَأَحْفَظُوا أَيْمَانُكُمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ إِيمَانَهُ لَعَلَّكُمْ تَشَكُّرُونَ

al-Māidah 5:89

89. Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekan seorang hamba. kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. dan jagalah - peliharalah sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (hukum-hukum ugamanya) supaya kamu bersyukur.

Menurut Ibn Taymiyyah, berdasarkan kepada ayat-ayat di atas, kafarah sumpah diwajibkan apabila berlaku pelanggaran sumpah dan tiada hukuman yang lain dikenakan.<sup>38</sup> Ta‘liq yang dilakukan dengan tujuan untuk bersumpah dianggap sebagai sumpah dan sebarang pelanggaran sumpah hanya diwajibkan untuk membayar kafarah sumpah. Pandangan ini dikuatkan dengan hadis :

Daripada Abū Hurayrah RA berkata : Rasulullah SAW bersabda :

P : -D ! ; 8 42 : '\$ & ) \* '( # \$% ! "  
 >&+ ! W+ - S+: - .4 R+C " +Q

Terjemahannya : “Sesiapa yang bersumpah dengan sesuatu dan dia dapat pilihan yang lebih baik dari sumpah tersebut, maka hendaklah dia memilihnya dan membayar kafarah sumpah”.<sup>39</sup>

<sup>38</sup> Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami*, 7: 447.

<sup>39</sup> Muslim, *Šaḥīḥ Muslim*, 3:1272, ( Bāb Nudib Man Ḥalaf Yamin, fa Ra’ā Ghayrahā Khayran Minhā, an Ya’ti Alladhi Huwa Khayr Wa Yukaffir ‘an Yaminih, no. Hadith 1650)., al-Tarmidhi, Muhammad Ibn ‘Isā, *Sunan al-Tarmidhi* (Miṣr: Maktabah al-Ḥalabi, 1975), 3: 561 (Bāb Mā Jā’ fi al-Kafārah Qabl al-Hinth, no. Hadith 1530)., al-Nasa’i, Ahmad Ibn Shu’ib, *Sunan al-Nasa’i* (Halab: Maktab al-Maṭbu’at al-Islamiyyah, 1986), 7:10 (al-Kafārah Ba’d al-Hinth, no. Hadith 3785.), Ibn Majah, Muhammad Ibn Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Mājah* (Qāhirah: Dār Ihya’ al-Kutub al-‘Arabi, t.t) , 1:680 ( Bāb Man Ḥalaf ‘ala Yamin, fa Ra’ā Ghayrahā Khayran Minhā, no. Hadith 2108).

Beliau menjelaskan hadis di atas menunjukkan kafarah sumpah merupakan hukuman kepada sesiapa yang melanggar sumpah.<sup>40</sup> Oleh itu, pelanggaran ta‘liq yang dilakukan dengan tujuan untuk bersumpah hanya mewajibkan kafarah sumpah. Pandangan ini dikuatkan dengan āthār :

Daripada Ibn ‘Abbās RA :

&’ &A & Y!%# 4 F W -? F9G :D I N

Terjemahan : Talaq sabit apabila disertakan dengan niat untuk membubarkan perkahwinan dan pembebasan hamba dilakukan kerana mengharapkan keredhaan Allah.<sup>41</sup>

Ibn ‘Abbās menjelaskan perkataan bermaksud talaq hanya sabit apabila disertakan dengan niat untuk membubarkan perkahwinan.<sup>42</sup> Talaq sebaliknya tidak sabit tanpa disertakan dengan niat untuk membubarkan perkahwinan seperti orang yang bersumpah dengan talaq dan orang yang dipaksa untuk membubarkan perkahwinan.<sup>43</sup> Oleh itu, ta‘liq yang dilakukan dengan tujuan untuk bersumpah tidak mensabitkan talaq kerana ianya dianggap sebagai sumpah.

Hasil perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa ta‘liq menurut jumhur fuqaha’ mensabitkan talaq apabila berlaku syarat yang telah disebutkan oleh suami. Ibn Ḥazm dan Fuqaha’ Shī‘ah Ja‘fariyyah menganggap ta‘liq tidak mensabitkan talaq dalam semua keadaan. Ibn Taymiyyah berpandangan ta‘liq dengan niat untuk membubarkan perkahwinan mensabitkan talaq manakala ta‘liq dengan niat untuk bersumpah tidak mensabitkan talaq. Oleh itu, jelas di sini pengamalan ta‘liq tambahan akan mensabitkan

<sup>40</sup>Ibn Taymiyyah, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 3: 245.

<sup>41</sup>al-Bukhārī, *Sahīḥ al-Bukhārī*, 7: 45 (Bāb al-Talāq fī al-Ighlāq wa al-Kurh, wa al-Sakrān wa al-Majnūn).

<sup>42</sup>Ibn Taymiyyah, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 3: 236.

<sup>43</sup>*Ibid.*

talaq apabila berlaku pelanggaran ta‘liq berkenaan menurut jumhur fuqaha’ manakala Ibn Ḥazm dan Fuqaha’ Shi‘ah Ja‘fariyyah berpandangan ta‘liq tambahan tidak mensabitkan talaq meskipun berlaku pelanggaran ta‘liq berkenaan. Ibn Taymiyyah pula berpandangan ta‘liq tambahan akan mensabitkan talaq apabila ta‘liq berkenaan dibuat dengan niat untuk membubarkan perkahwinan.

## 2.5. Syarat Sah Ta‘liq Talaq Menurut Fuqaha’.

Ta‘liq talaq mempunyai syarat sah sebelum ta‘liq berkenaan dianggap sah dan dikuatkuatkuasakan oleh syarak. Syarat sah ini turut terpakai dan perlu dipenuhi dalam ta‘liq tambahan dengan sebab yang telah dinyatakan sebelum ini. Oleh itu, segala syarat sah yang dinyatakan dalam perbincangan ini merujuk secara langsung kepada syarat sah ta‘liq tambahan.

Terdapat beberapa syarat sah ta‘liq yang perlu dipenuhi sebelum pelanggaran ta‘liq mensabitkan talaq. Perbincangan syarat sah ta‘liq tertumpu kepada perbincangan dalam kalangan empat mazhab yang utama iaitu al-Ḥanafiyyah, al-Mālikiyah, al-Shāfi‘iyah, dan sebahagian al-Ḥanābilah kerana Ibn Ḥazm dan Fuqaha’ Shi‘ah Ja‘fariah berpandangan ta‘liq tidak mensabitkan talaq dalam semua keadaan manakala Ibn al-Taymiyyah menumpukan perbincangan mereka dalam meneliti niat dan tujuan ta‘liq dibuat.<sup>44</sup> Umumnya, ta‘liq perlu memenuhi kesemua syarat yang telah ditetapkan oleh fuqaha’ dalam perbincangan talaq kerana ianya adalah sebahagian dari konsep talaq dengan penambahan beberapa syarat. Di antara syarat sah ta‘liq ialah :

---

<sup>44</sup> Lihat Ibn Taymiyyah, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 3: 245 dan Ibn Ḥazm, *al-Muḥallā*, 9:477.

### **2.5.1. Perkara yang menjadi sandaran (*al-mu‘allaq ‘alayh*) belum berlaku ketika suami melafazkan ta‘liq.**

Kesemua fuqaha’ iaitu al-Ḥanafiyah, al-Mālikiyah, al-Shāfi‘iyah dan sebahagian al-Ḥanābilah berpandangan talaq sabit secara langsung apabila talaq disandarkan kepada perkara yang telah berlaku.<sup>45</sup> Ta‘liq seperti suami berkata kepada isteri “aku ceraikan kamu sebelum kematianku” mensabitkan talaq secara langsung kerana talaq disandarkan kepada perkara yang telah berlaku iaitu suami masih belum meninggal dunia.<sup>46</sup>

### **2.5.2. Ikatan perkahwinan di antara pasangan masih berlangsung samada secara *haqiqī* atau *hukmī* ketika suami melafazkan ta‘liq kepada isteri.**

al-Ḥanafiyah, al-Mālikiyah, al-Shāfi‘iyah dan sebahagian al-Ḥanābilah bersepakat ta‘liq yang ucapan oleh suami kepada isterinya ketika ikatan perkahwinan di antara mereka masih berlangsung samada secara *haqiqī* atau *hukmī* akan mensabitkan talaq apabila berlaku pelanggaran ta‘liq.<sup>47</sup>

Meskipun keempat-empat fuqaha’ bersepakat dengan syarat di atas, namun mereka berbeza pandangan dalam isu lelaki menyandarkan talaq kepada perempuan yang boleh dikahwininya menurut syarak (ajnabi) seperti seorang lelaki berkata kepada perempuan tersebut “sekiranya aku berkahwin dengan kamu, aku ceraikan kamu”. Percanggahan pandangan ini berasaskan kepada perbezaan penafsiran mereka terhadap hadis di bawah:

<sup>45</sup>Ibn ‘Ābidīn, *Rad al-Mukhtār*, 3:342., al-Qurṭubī, Muḥammad Ibn Aḥmad, *al-Muqaddimah al-Mumahhadāt* ( Bayrūt: Dār al- Ghurb al-Islāmī, 1988), 1:579., Abū Ḥusayn, Yaḥyā Ibn Abī Khayr, *al-Bayān fi Madhab al-Imām al- Shāfi‘e* (Jaddah: Dār al-Minhāj, 2000), 10:192., Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad, ‘Abd Allah Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad, *al-Mughnī* (al-Qāherah: Maktabah al-Qāherah, t.t), 7: 376.

<sup>46</sup>Abū Ḥusayn, *al- Bayān*,10:192.

<sup>47</sup>Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 7 : 446.

Ikatan perkahwinan *haqiqī* iaitu akad perkahwinan masih berlangsung di antara pasangan manakala ikatan perkahwinan *hukmī* iaitu tempoh isteri berada dalam ‘iddah talaq *raj‘i*. Lihat Wizārah al-Awqāf, *al-Mausū‘ah al-Fiqhiyyah*, 29:19.

Daripada ‘Ali RA berkata : Rasulullah SAW bersabda :

>[ V/ 10 F 2: - '\$ & )\* '( / @ -Z /

Terjemahan : Tidak sabit talaq sebelum berlangsung akad pernikahan.<sup>48</sup>

al-Ḥanafiyah dan al-Mālikiyah berpandangan talaq yang disandarkan oleh seorang lelaki kepada perempuan ajnabi akan mensabitkan talaq apabila pasangan berkenaan melangsungkan perkahwinan di antara mereka.<sup>49</sup> Hal ini kerana mereka berpandangan isteri hanya perlu menjadi milik suami (*muṭlak milk*) tanpa perlu wujud ikatan perkahwinan di antara keduanya ketika ta‘liq dilafazkan. Mereka menjelaskan hadis di atas menunjukkan talaq tidak sabit melainkan selepas akad pernikahan.<sup>50</sup>

al-Shāfi‘iyah dan sebahagian al-Ḥanābilah berpandangan talaq tidak sabit apabila disandarkan kepada perempuan ajnabi dan ta‘liq tersebut dianggap sia-sia.<sup>51</sup> Hal ini kerana mereka mensyaratkan pasangan perlu mempunyai ikatan perkahwinan sebelum ta‘liq yang dilafazkan oleh seseorang lelaki diambil kira oleh syarak. Mereka menjelaskan hadis di atas menunjukkan talaq tidak sah sebelum wujud akad perkahwinan di antara pasangan.

<sup>48</sup>Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 1:660 (Bāb Lā Talāq Qabl al-Nikāḥ, no. hadith 2048)., al-Bayhaqī, Ahmad Ibn al-Ḥusayn, *al-Sunan al-Ṣaghīr li al-Bayhaqī* (Bayrūt: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, t.t), 3:109 (Bāb Lā Talāq Qabl al-Nikāḥ I, no. hadith 2647).

<sup>49</sup>al-Kāṣāñī, Abū Bakr Ibn Mas‘ūd Ibn Ahmad, Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ fī Tartīb al-Sharā’i‘ (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1986), 3:126., Abū al-Qāsim, *al-Qawāniñ al-Fiqhiyyah*, 1:154.

<sup>50</sup>al-Kāṣāñī, Badā’i‘ al-Sanā’I, 3:126., Muḥammad Ibn Ahmad al-Mālikī, *Manh al-Jalil ‘ala Sharḥ Mukhtasar Khalil* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 4:59., ‘Abd al-Rahmān Ibn Muḥammad ‘Auḍ, *Kitāb al-Fiqh ‘ala Madhāhib al-Arba’ah* (Manṣūrah: Maktabah al-Imān, 1999), 4: 278.

<sup>51</sup>Aḥmad Salāmah al-Qalyūbī dan Aḥmad al-Barlīsī ‘Umayrah, *Hāshiyatā Qalyūbī wa ‘Umayrah* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1995), 3:336., al-Baḥūtī, *Kashfu al-Qinā‘*, 5:285., Wizārah al-Awqāf, *al-Mausū‘ah al-Fiqhiyyah*, 12: 312.

### **2.5.3. Perkara yang menjadi sandaran (*al-mu‘allaq ‘alayh*) boleh berlaku pada masa terkehadapan dan bukan perkara yang mustahil.**

al-Ḥanafiyah, al-Shāfi‘iyah dan sebahagian al-Ḥanābilah berpandangan talaq yang disandarkan kepada perkara yang mustahil berlaku, tidak mensabitkan talaq kerana perkara yang disebutkan dalam ta‘liq tidak akan berlaku.<sup>52</sup> Lafaz ta‘liq seperti suami berkata kepada isteri “apabila kamu terbang atau mendaki ke awan, aku ceraikan kamu”, tidak mensabitkan talaq. al-Bahūtī memperincikan pandangan sebahagian al-Ḥanābilah dengan membahagikan perkara mustahil kepada dua bahagian iaitu: pertama, perkara yang mustahil berlaku menurut kebiasaan atau adat seperti suami berkata kepada isteri “jika kamu terbang atau mendaki ke awan, aku ceraikan kamu”.<sup>53</sup> Kedua, perkara yang mustahil pada zatnya seperti suami berkata kepada isteri, “jika satu lebih besar dari dua, aku ceraikan kamu”. Menurut al-Bahūtī, talaq tidak sabit dalam kedua-dua bahagian ini, kerana perkara yang disebutkan oleh suami tidak akan berlaku.<sup>54</sup>

al-Mālikiyah berpandangan talaq yang disandarkan kepada perkara yang mustahil berlaku akan mensabitkan talaq secara langsung.<sup>55</sup> Muḥammad Ibn Aḥmad al-Malikī menjelaskan perkara yang mustahil seperti suami berkata “sekiranya aku tidak dapat menyentuh langit, aku ceraikan kamu” akan mensabitkan talaq secara langsung kerana talaq telah disandarkan kepada perkara yang telah wujud iaitu ketidakmampuan manusia menyentuh langit.<sup>56</sup>

---

<sup>52</sup> Abū Ḥusain, *al- Bayān*, 10 :192, Ibn ‘Ābidīn, *Rad al-Mukhtār*, 3: 342., al-Bahūtī, *Kashfu al-Qinā‘*, 5:276.

<sup>53</sup> al-Bahūtī, *Kashfu al- Qinā‘*, 5:276.

<sup>54</sup> *Ibid.*

<sup>55</sup> Ibn Aḥmad, *Manh al-Jalīl*, 4: 109.

<sup>56</sup> *Ibid.*

#### **2.5.4. Perkara yang menjadi sandaran (*al-mu‘allaq ‘alayh*) merupakan perkara yang diketahui.**

al-Ḥanafiyah dan al-Shāfi‘iyyah berpandangan ta‘liq yang disertai dengan kalimah “Inshā’ Allah” tidak mensabitkan talaq.<sup>57</sup> Menurut mereka, ta‘liq seperti suami berkata kepada isteri “aku ceraikan kamu Inshā’ Allah atau bila Allah kehendaki atau dengan kehendak Allah tidak mensabitkan talaq kerana kehendak Allah tidak dapat diketahui oleh makhluk.<sup>58</sup> Pandangan mereka bersandarkan kepada hadis :

Daripada Ibn ‘Umar RA berkata : Rasulullah SAW bersabda

-D ! ; 8 4 \ : ' \$ & & ' ( & \$ % -  
\\ & \_ .8 : - .W\$ YE: & ] =: E

Terjemahan: Sesiapa yang bersumpah dengan sesuatu, maka dia berkata “Inshā’ Allah, maka ia telah terkecuali, oleh itu, dia tidak mengingkari sumpah tersebut”.<sup>59</sup>

Menurut al-Ḥanafiyah dan al-Shāfi‘iyyah, hadis di atas, menunjukkan sumpah yang disertai dengan “Inshā’ Allah” tidak akan diambil kira oleh syarak dan mensabitkan talaq.

al-Mālikiyah dan sebahagian al-Ḥanābilah berpandangan talaq akan sabit secara langsung apabila ta‘liq disertakan bersamanya “Inshā’ Allah”.<sup>60</sup> Abū Qāsim al-Malikī menjelaskan ta‘liq yang disertakan dengan kalimah “Inshā’ Allah” atau mengikut kehendak Allah, akan mensabitkan talaq secara langsung kerana talaq disandarkan

<sup>57</sup> al-Kāsānī, Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘, 3:157., al-Nawawī, Abū Zakariyyā, Yaḥyā Ibn Sharaf, *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab* (Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t), 17:149., Abū Ḥusain, *al-Bayān*, 10:130.

<sup>58</sup> *Ibid.*

<sup>59</sup> Abū Muḥammad, Abdullah Ibn Yūsuf, *Naṣb al-Rāyah li Ahādīth al-Hidāyah* (Bayrūt: Muassasah al-Rayyān, 1997) 3:234 (Faṣl fī al-Istithnā’, no Hadith 1531).

<sup>60</sup> Abū al-Qāsim, *al-Qawāniḥ al-Fiqhiyyah*, 1:154 ., al-Baḥūti, *Kashfū al- Qinā‘*, 5:311.

kepada perkara yang telah wujud iaitu kehendak Allah.<sup>61</sup> Hal ini kerana kehendak Allah telah wujud sejak azali.

Hasil perbincangan syarat sah di atas, al-Ḥanafiyah, al-Mālikiyah, al-Shāfi‘iyah dan sebahagian al-Ḥanābilah bersepakat bahawa ta‘liq akan mensabitkan talaq dan diambil kira oleh syarak apabila memenuhi kesemua syarat sah yang telah mereka letakkan. Oleh itu, ta‘liq tambahan perlu memenuhi kesemua syarat di atas. Hal ini bertujuan bagi membolehkan kandungan ta‘liq berkenaan dikuatkuasakan oleh syarak.

## 2.6. Hikmah Pensyariatan Ta‘liq Talaq.

Pensyariatan ta‘liq mempunyai hikmah dan kebaikan kepada pasangan. Di antaranya ialah sebagai jalan keluar kepada pasangan apabila perkahwinan yang berlangsung tidak dapat memberikan kebaikan malah memudaratkan mereka.<sup>62</sup> Ta‘liq merupakan sebahagian dari konsep talaq yang memberi ruang kepada pasangan untuk membubarkan perkahwinan apabila pasangan tidak dapat hidup bersama dengan baik serta menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi sehingga mencetuskan pertengkar dan permusuhan di antara mereka. Oleh itu, syarak membenarkan pembubaran ini sebagai jalan keluar kepada pasangan terhadap permasalahan yang mereka hadapi bersama pasangan.

Pengenalan dan tujuan pelaksanaan ta‘liq di Malaysia adalah untuk memberikan jalan keluar kepada isteri setelah berlaku pengabaian haknya oleh suami seperti suami meninggalkan isteri dalam tempoh yang lama tanpa pengetahuan isteri, pengabaian

---

<sup>61</sup> Abū al-Qāsim, *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah*, 1:154.

<sup>62</sup> Lihat ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *Aḥkām al-Ahwāl al-Shakhṣiyah fī al-Shari‘ah al-Islāmiyyah* (Kuwayt : Dār al-Qalam, 1990), 129.

nafkah isteri serta suami memberikan mudarat kepada isteri dengan memukul atau menderanya.<sup>63</sup> Pengabaian yang berterusan oleh suami kepada isteri tanpa sebarang penyelesaian yang baik menyebabkan matlamat perkahwinan yang telah digariskan oleh syarak gagal dicapai sebaliknya menimbulkan kemudaratkan kepada isteri. Oleh itu, pengabaian suami terhadap hak isteri dalam isu-isu tertentu telah dimasukkan dalam penguatkuatkuasaan ta‘liq rasmi di Malaysia yang memberikan hak kepada isteri untuk membuat aduan kepada mahkamah syariah dan menuntut pembubaran perkahwinan sebagai jalan keluar kepadanya.<sup>64</sup>

Ta‘liq dapat dijadikan sebagai suatu cara suami mendidik isteri.<sup>65</sup> Isteri dapat dididik oleh suami dalam mengawal tingkah lakunya yang agak keterlaluan melalui peringatan dan amaran yang terkandung dalam ta‘liq.<sup>66</sup> Peringatan dan amaran oleh suami kepada isteri dapat difahami menerusi talaq yang disandarkan kepada perbuatan isteri. Suami contohnya melarang isteri dari menerima sebarang tetamu lelaki yang bukan mahramnya semasa ketiadaannya di rumah. Isteri akan lebih berhati-hati dan mengambil berat terhadap amaran dan peringatan yang telah diberikan oleh suaminya kerana sebarang keegghanan isteri dalam mematuhi perintah suami dengan melanggar ta‘liq yang dibuat akan membubarkan perkahwinan di antara mereka.

Pensyariatan ta‘liq bertujuan menjaga kepentingan dan memberikan kebaikan kepada pasangan. Hikmah dan kebaikan pensyariatan ta‘liq memerlukan kepada kesedaran suami dalam menggunakan dengan sebaik mungkin agar tidak berlaku

<sup>63</sup> Ismaliza Ismail, “Cerai Ta‘liq: Kajian Kes di Mahkamah Syariah Kota Bharu, Kelantan” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2004), 54.

<sup>64</sup> *Ibid.*

<sup>65</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 7: 449., Ruzila Abd Halim, “Cerai Taklik: Satu Kajian di Mahkamah Syariah Kota Bharu dari Tahun 1994 - 1999” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2005), 73.

<sup>66</sup> *Ibid.*

penyalahgunaan ta‘liq oleh suami dengan tujuan yang sia-sia dan memudaratkan isteri kerana kuasa pembentukannya terletak di tangan suami. Kebijaksanaan suami menggunakannya secara cermat dan berhemah membantu mengurangkan bilangan kes perceraian serta menjamin kesejahteraan institusi kekeluargaan di Malaysia.

## **2.7. Kesimpulan.**

Jumhur fuqaha’ menjelaskan pengamalan ta‘liq tambahan akan mensabitkan talaq apabila berlaku pelanggaran ta‘liq berkenaan. Pengamalan ta‘liq berkenaan disokong oleh dalil serta hujah yang telah dinyatakan oleh jumhur fuqaha’. Ta‘liq berkenaan dikuatkuasakan oleh syarak setelah memenuhi kesemua syarat sah ta‘liq. Pelaksanaan ta‘liq tambahan dapat dijadikan sebagai jalan keluar kepada pasangan apabila berhadapan dengan masalah seperti hikmah yang terdapat dalam pelaksanaan ta‘liq.